

17/08/1997

Mata wang: KL bincang dengan rakan Asean

KUALA LUMPUR: Malaysia akan berbincang dengan negara Asean dalam usaha menangani kejatuhan mata wang di rantau ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, bank pusat di rantau ini, termasuk Bank Negara, saling `berkomunikasi' untuk mengkaji kaedah yang boleh diambil bagi memulihkan keadaan itu.

"Kita sedang berbincang dengan banyak pihak sekarang dan mengkaji apa yang kita boleh buat," katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan perwakilan Gerakan di sini, semalam.

Dr Mahathir ditanya sama ada bank pusat di rantau ini akan berganding bahu untuk menangani penurunan nilai mata wang beberapa negara Asean.

Sejak beberapa minggu lalu, nilai ringgit, rupiah (Indonesia), baht (Thailand) dan peso (Filipina) susut berbanding dolar Amerika kerana kegiatan spekulasi mata wang.

Apabila ditanya sama ada beliau senang hati dengan nilai ringgit sekarang, Dr Mahathir berkata: "Sudah pasti saya tidak senang hati. Saya mahu (ringgit) kembali ke tahap yang boleh diterima."

Mengenai spekulator masih menekan ringgit, Perdana Menteri berkata, mereka boleh menekan sebanyak mana yang boleh.

"Tetapi kita tetap akan mengatasinya. Kita mempunyai keyakinan yang kita boleh menguruskan ekonomi kita," katanya.

Dr Mahathir juga mengulangi kritikkannya terhadap jutawan dan pembiaya kewangan Amerika Syarikat, George Soros yang dikatakan menjadi dalang di sebalik kejatuhan nilai ringgit.

"Orang bergelar dermawan, Soros, boleh dilihat sebagai dermawan yang mencuri daripada negara miskin dan memberikan balik sedikit daripadanya secara amal.

"Kita kerugian lebih RM200 billion, iaitu sama dengan Belanjawan Negara selama empat tahun," katanya.

Perdana Menteri berkata, atas apa yang dikatakan sebagai `ekonomi terbuka', negara kaya hari ini mendapat helah baru untuk menindas negara miskin.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata, semua projek yang berjalan sekarang akan diteruskan dan kerajaan tidak mempunyai projek mega kecuali Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) yang hampir siap.

"Di Malaysia banyak projek mega. Syarikat swasta bukan setakat membina taman perumahan tetapi bandar yang bernilai berbilion ringgit," katanya.

Perdana Menteri berkata, masalah yang dihadapi sekarang tidak boleh meningkatkan pendapatan daripada sektor pelancongan kerana ia memerlukan jangka masa panjang.

(END)